



## **SURAT PEMBERITAHUAN**

### **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN 18/2021**

Yang Amat Mulia/Yang Dimuliakan/Yang Mulia  
Setiausaha-Setiausaha Tetap  
Ketua-Ketua Jabatan  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

#### **PENGEMASKINIAN TATACARA PENGISIAN BORANG PENGESAHAN HUTANG-PIUTANG BAGI BERSARA AWAL DAN MENAMATKAN PERKHIDMATAN (PS-3) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormat sukacita memaklumkan bahawa borang pengesahan hutang-piutang bagi bersara awal dan menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan telah dikemaskini. Pengemaskinian ini adalah bertujuan bagi menyelaraskan dan meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan-perkhidmatan yang dihulurkan dengan pelaksanaan *Business Continuity Plan (BCP)* Jabatan-Jabatan dan Kementerian-Kementerian Kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19 tahun 2021 di Negara Brunei Darussalam.

2. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan yang dikenakan kepada proses permohonan terutama sekali yang dikenakan kepada tatacara pengisian borang PS-3 akan dilaksanakan secara berfasa. Perubahan terhadap tatacara pengisian borang-borang PS-3 adalah seperti di **Lampiran A**.

No  
...2/



-2-

3. Bagi memudahkan semua pihak dan membolehkan urusan/proses mendapatkan pengesahan hutang-piutang sebelum bersara awal dan menamatkan perkhidmatan berjalan dengan lancar, isi kandungan borang berkenaan telah dikemaskini mengikut keperluan Jabatan-Jabatan dan Kementerian-Kementerian Kerajaan. Borang baru yang telah dikemaskini boleh dimuat-turun daripada laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu [www.psd.gov.bn](http://www.psd.gov.bn).

4. Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa Bahagian/Unit Pentadbiran masing-masing akan mengisikan maklumat peribadi pemohon pada setiap ceraihan borang PS-3 dan dihadapkan kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan melalui emel kepada alamat-alamat emel yang disertakan dalam borang berkenaan.

5. Setelah mendapat pengesahan hutang-piutang daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan, Bahagian/Unit Pentadbiran hendaklah mengumpul ceraihan-ceraihan borang berkenaan sebelum dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Sokongan Ketua Jabatan bagi Bersara Awal dan Menamatkan Perkhidmatan dan dokumen-dokumen yang diperlukan Jabatan ini (Senarai Semak) beserta dengan borang-borang yang lengkap diisikan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Borang PS-3 dan alamat emel pegawai fokal akan dikemaskini dari masa ke semasa. Bagi keterangan lanjut mengenai proses bersara awal dan menamatkan perkhidmatan bolehlah berhubung terus kepada Unit Prosedur dan Faedah-Faedah Perkhidmatan, Bahagian Perkhidmatan Personel, JPA melalui emel [info.pffp@psd.gov.bn](mailto:info.pffp@psd.gov.bn).

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan bersama.

وَاللَّهُ يَتَّقِي

**"Perkhidmatan Awam Berintegriti Dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"**

**[DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN]**

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh: 29 Safar 1443H/ 06 Oktober 2021M

Rujukan: JPA/4.3.1/persaraan/ff

## LAMPIRAN A

### Fasa 1: Pengemaskinian Borang Pengesahan Hutang-Piutang (PS 3) Bagi Bersara Awal/Menamatkan Perkhidmatan

